

21 JUL 1999

GPMS-Iktibar

PELAJAR MELAYU DIMINTA AMBIL IKTIBAR UCAPAN PM

KUALA TERENGGANU, 21 Julai (Bernama) -- Pelajar Melayu di seluruh negara perlu mengambil pedoman daripada ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berhubung kelembapan prestasi para pelajar Melayu.

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad berkata, pihaknya tidak menafikan bahawa pelajar Melayu masih ketinggalan dalam bidang akademik berbanding pelajar bangsa lain.

Bagaimanapun katanya, masih belum terlambat untuk pelajar berkenaan bertindak positif bagi meningkatkan kecemerlangan pendidikan.

"Oleh itu, pandangan Perdana Menteri itu mesti diberikan perhatian serius oleh para pelajar untuk mencipta kecemerlangan dalam bidang pendidikan," katanya di sini, hari ini.

Semalam, dalam ucapannya di Alor Setar, Dr Mahathir melahirkan rasa sedih dengan pencapaian pelajar-pelajar Melayu yang masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan pelajar bukan Bumiputera.

Syed Anuar beliau berkata, pelajar harus bijak mengurus masa jika mahu berjaya dalam akademik kerana itulah faktor penting yang menentukan kejayaan mereka dalam pelajaran.

"Sebagai contoh... ramai pelajar yang dianggap `ulat buku' di universiti gagal mencapai kecemerlangan, walaupun mereka tidak terlibat dengan kegiatan luar kampus dan ini sebenarnya banyak berpunca daripada kesilapan mengurus masa belajar," katanya.

Sementara itu, GPMS menentang sekeras-kerasnya pensyarah atau guru yang menghasut pelajar untuk terlibat dengan mana-mana parti politik.

Beliau berkata ini kerana para pelajar tidak harus dieksploitasikan oleh mana-mana pihak untuk kepentingan politik walaupun mereka (pelajar) berhak mengikuti perkembangan politik semasa.

"Justeru itu, GPMS tidak pernah merestui sebarang tindakan yang boleh dianggap menghasut pelajar untuk terlibat dengan parti politik," katanya.

--BERNAMA

AYB RI